

11 AUG 1998

Mahathir-tunjang

KUKUHKAN UMNO UNTUK KUATKAN BN, KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota Umno mengukuhkan kedudukan parti itu sebagai tunjang Barisan Nasional bagi membantu negara menghadapi keadaan seperti kegawatan ekonomi sekarang.

Perdana Menteri berkata Barisan Nasional akan menjadi lemah jika Umno tidak menjadi tunjang yang kuat dan setakat ini BN menjadi stabil kerana Umno merupakan tunjang yang kuat di tengah-tengahnya.

Ketika berucap merasmikan Menara Umno Pulau Pinang di sini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, kekuatan yang diperolehi BN itu membolehkan kerajaan BN melaksanakan segala rancangan yang diketengahkannya.

"Ini penting (untuk Malaysia) sebagai sebuah negara membangun yang memerlukan sebuah kerajaan yang kukuh dan kuat," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan dapat melaksanakan apa-apa rancangannya jika ia lemah.

Dengan kebijaksanaan pemimpin dahulu, terutama sekali bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Umno hari ini telah menjadi besar dengan keahlian melebihi 2.4 juta, kata beliau.

Untuk menguatkan lagi parti itu, Dr Mahathir berkata, anggota-anggota Umno perlu menoleh ke belakang memikirkan sejarah parti Umno "dari mana kita datang."

"Kalau kita lupa dari mana kita datang, kita akan sesat jalan," katanya sambil meminta golongan muda dan kaum belia supaya memahami sejarah Umno kerana ini akan menolong negara menjadi stabil dan maju.

Perdana Menteri berkata, kalau Umno keluar dari BN, kumpulan 14 buah parti itu tetap tidak akan jatuh tetapi akan menghadapi masalah.

Sungguhpun begitu, Umno secara sendiri juga tidak akan mampu untuk mendirikan kerajaan, katanya.

"Sebab itu kita (BN) selamat dan tenang," katanya.

Dr Mahathir berkata, BN perlu wujud seperti kedudukan sekarang ini kerana setiap komponen yang mewakili golongan atau kaum tertentu akan berupaya untuk mempertahankan kepentingan masing-masing kerana semuanya diberikan suara yang sama banyak mewakili parti masing-masing.

Menara Umno setinggi 21 tingkat itu merupakan mercu tanda baru di Pulau Pinang.

Majlis pecah tanah bagi pembinaan bangunan itu pada 21 Dis 1995, telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Bangunan itu merangkul satu anugerah oleh Institut Arkitek Singapura manakala ciri-ciri istimewa dan reka bentuknya yang menarik ini telah disiarkan dalam RIBA International -- majalah arkitek antarabangsa terbitan Royal Institute of British Architects keluaran Mei 1998.

-- BERNAMA

AHM MAI